

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Tiga kluster baharu babit penularan tempat kerja

Kuala Lumpur: Tiga lagi kluster baharu COVID-19 dikesan semalam, dengan semuanya membabitkan jangkitan di tempat kerja.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia membabitkan Kluster Bukit Gemok, Kluster Tapak Bina Cendana dan Kluster Dang Mutiara.

"Pertambahan tiga kluster baharu itu menjadikan keseluruhan 410 kluster dikesan sehingga hari ini (semalam) dengan 189 masih aktif.

"Sebanyak 56 kluster melaporkan pertambahan kes baharu dengan tertinggi Kluster Penjara Jalan Harapan (565 kes), Kluster Rumah Merah (142 kes) dan Kluster Tapak Bina Berangan (69 kes)," katanya melalui kenyataan, semalam.

Mengulas kluster baharu, beliau memaklumkan kes indeks bagi Kluster Bukit Gemok membabitkan daerah Tawau di Sabah, dilaporkan positif COVID-19 pada 5 Disember hasil saringan individu bergejala.

Sehingga semalam, katanya 71 individu disaring melalui kluster itu, di mana 10 kes dikesan positif COVID-19.

"Kluster Tapak Cendana pula membabitkan daerah Lembah Pantai, Titiwangsa dan Cheras di Kuala Lumpur, dengan kes awal dilaporkan positif bermula 10 Disember hasil saringan bersasar di tempat kerja, iaitu sebuah tapak binaan.

"Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 175 individu disaring, dengan 11 kes, termasuk 10 bukan warganegara dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini," katanya.

Kluster Dang Mutiara pula, beliau berkata, membabitkan daerah Gombak di Selangor serta Dungun dan Kemaman di Terengganu.

"Kes indeks dilapor positif pada 9 Disember hasil saringan daftar masuk pelantar minyak dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 102 individu disaring, dengan 10 kes dikesan positif," katanya.

Pertambahan tiga kluster baharu itu menjadikan keseluruhan 410 kluster dikesan sehingga hari ini (semalam) dengan 189 masih aktif.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Penularan COVID-19

1,937 kes baharu, 9 kematian

Selangor masih rekod jangkitan harian tertinggi dengan 823 kes

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejumlah 1,937 jangkitan kes baharu COVID-19 direkodkan di seluruh negara semalam, dengan sembilan lagi kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peningkatan itu menjadikan keseluruhan 82,246 kes direkodkan sehingga semalam, dengan kumulatif 411 kematian atau 0.50 peratus daripada bilangan keseluruhan kes.

Beliau berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 pula adalah 13,751 kes, manakala 911 kes kes sembuh direkodkan menjadikan kumulatif 68,084 kes sembuh sepenuhnya atau 82.8 peratus daripada keseluruhan kes.

"Selangor masih melaporkan


jangkitan harian tertinggi dengan 823 kes (42.5 peratus) di mana 714 kes (86.8 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat kes positif yang giat dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Sabah dengan 429 kes (22.1 peratus) dan Kuala Lumpur 238 kes (12.3 peratus).

"Sebanyak 725 kes (37.4 peratus) yang dilaporkan pula berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (565 kes), Kluster Rumah Merah (142 kes), Kluster Tembok (43 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (lima kes)," katanya melalui kenyataan, semalam.

Mengenai kematian, beliau berkata, dua daripada sembilan kes itu membabitkan bukan warga-negara.

"Di Johor, tiga kematian dire-



Kakitangan Pejabat Kesihatan Sandakan menjalankan ujian saringan pada Operasi Bersepadu di Pulau Berhala, semalam. (Foto BERNAMA)

kodkan di Hospital Enche Besar Hajah Kalsom di Kluang membabitkan dua lelaki berusia 41 dan 71 tahun, selain wanita berusia 49 tahun.

"Ketiga-tiga memiliki latar belakang penyakit kronik, iaitu diabetes, obesiti, buah pinggang, darah tinggi dan strok," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, empat kematian direkodkan di Sabah membabitkan tiga lelaki tempatan dan seorang pemuda bukan warganegara, yang semuanya memiliki latar belakang penyakit iaitu diabetes, buah pinggang, dislipidemia, hipotiroidisme, gout dan lumpuh.

"Tiga penduduk tempatan itu masing-masing berusia 58, 65 dan 74 tahun meninggal dunia di Hospital Tuāran serta Hospital Du-

chess of Kent, Sandakan. Pemuda bukan warganegara berusia 38 tahun juga meninggal dunia di hospital sama," katanya.

Sementara itu, katanya, baki dua lagi kematian membabitkan masing-masing satu di Hospital Sungai Buloh, dekat sini dan Hospital Pulau Pinang.

"Di Selangor, kematian membabitkan pesakit 33 tahun dan di Pulau Pinang membabitkan lelaki, 84, yang memiliki sejarah diabetes, jantung, darah tinggi, buah pinggang dan dislipidemia," katanya.

Beliau turut memaklumkan sehingga kini 121 kes positif COVID-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana 66 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kelonggaran pergerakan lonjak jangkitan

Putrajaya: Kelonggaran diberikan biarpun negeri di Lembah Klang seperti Selangor masih dalam perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menjadi segetintir masyarakat mengambil mudah prosedur operasi standard (SOP) untuk menghalang jangkitan COVID-19.

Pakar Kesihatan Komuniti di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata akibat kelonggaran itu juga pergerakan masyarakat sangat tinggi, walaupun ia diberi untuk keperluan penjana ekonomi negara, bukannya disebabkan wabak mudah dikawal.

"Pergerakan tinggi menyebabkan kemungkinan jangkitan berleluasa dan banyak kes dijangkiti tanpa simptom, menyebabkan penularan lebih mudah berlaku.

"Isunya apabila jangkitan berleluasa dan kemungkinan jangkitan komuniti berisiko tinggi seperti warga emas, mereka yang tinggi komorbiditi seperti darah tinggi, kencing manis dan sakit jantung serta kanak-kanak.

"Jadi dalam segenap hal, SOP perlu dipatuhi dan elak bersikap alpa dengan jangkitan," katanya

kepada BH.

Beliau menegaskan, sepatutnya konsep kerja dalam talian dan dari rumah perlu diperluas dan diguna pakai sekerap mungkin, bagi mengelak ramai tenaga kerja terpaksa berada di luar.

Ditanya mengenai perumahan pekerja, termasuk warga asing yang menyumbang penularan wabak COVID-19 atau sebarang penyakit berjangkit, katanya, sepatutnya majikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) melihat perkara itu dan memastikan keperluan pekerja ditepati.

"Ia membabitkan ruang kerja selamat, tempat tinggal, jumlah gaji dan keselamatan pekerja, berikutan memang diketahui keadaan asrama dan perumahan pekerja asing terbiar, sesak dan kotor serta menjijikkan.

"Masalah ini sudah lama dan apabila mereka masuk ke Malaysia, ada yang membawa penyakit berjangkit seperti tibi, kusta, hepatitis dan HIV," katanya.

Beliau turut mempersoalkan

bagaimana pekerja asing masih boleh masuk tanpa dikesan dengan teliti serta dipastikan bebas daripada penyakit berkenaan "Jika asalnya mereka sihat di sini, dari mana pula mereka terjangkit COVID-19? Adakah daripada komuniti dalam Malaysia atau ada yang membawanya dari luar negara?"

"Jika punca jangkitan COVID-19 dari luar negara, bagaima-

mana mereka boleh keluar atau masuk ke negara ini melainkan melalui jalan tikus," katanya.

Pakar epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, pula berkata individu yang tinggal di kawasan berdekatan kluster COVID-19 wajar mengurangkan aktiviti luar, dalam komuniti selain sentiasa mematuhi amalan pencegahan disyorkan.

Mengulas peningkatan jangkitan COVID-19 di Selangor, terutama apabila sekolah akan dibuka tidak lama lagi, katanya, ada kemungkinan kes positif juga berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan lebih malang jika kebanyakan mereka tidak bergejala.

Beliau menjangkakan kes jangkitan akan meningkat dalam tempoh satu atau dua minggu akan datang, berdasarkan pola pergerakan ketika ini serta kadar pematuhan SOP yang tidak begitu menggalakkan.

"Secara ideal, PKPD sepatutnya dilaksanakan, namun realitinya ada kekangan sumber dan logistik untuk melaksanakannya, justeru perlu ada pendekatan lain lebih praktikal," katanya.

Sepatutnya konsep kerja dalam talian dan dari rumah perlu diperluaskan dan diguna pakai sekerap mungkin, bagi mengelak ramai tenaga kerja terpaksa berada di luar.

Dr Sharifa Ezat Wan Puteh,
Pakar Kesihatan Komuniti di Fakulti Perubatan UKM

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Malaysia tidak berdepan tekanan politik lulus vaksin

Kerajaan guna penilaian berdasarkan data klinikal diperoleh

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak akan sesekali meluluskan penggunaan vaksin COVID-19 secara keceemasan, seperti diputuskan Amerika Syarikat (AS) kelmarin.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata Malaysia tidak berdepan tekanan politik untuk menentukan soal kelulusan vaksin terbabit, apatah lagi memaksa tindakan sebegitu diambil.

Beliau melalui ciapannya di Twitter semalam, berkata kerajaan akan membuat penilaian untuk tujuan itu berdasarkan data klinikal yang diperoleh.

"Daripada data klinikal vaksin ini, ia akan dinilai secara bebas

oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di Kementerian Kesihatan (KKM).












"Penilaian ini dibuat sebelum vaksin dilulus dan didaftar untuk digunakan," katanya sambil melampirkan pautan berita mengenai keputusan terkini dibuat AS berhubung vaksin COVID-19.

AS meluluskan vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech kelmarin, selepas desakan kuat oleh Presidennya, Donald Trump.












Malah, Trump turut dilaporkan berkongsi video di Twitter dengan menyifatkan berita itu sebagai 'keajaiban perubatan' dan percaya imunisasi pertama akan dilakukan tempoh kurang 24 jam.

Malaysia sebelum ini dilapor akan mendapatkan bekalan awal vaksin COVID-19 daripada syarikat farmasutikal Pfizer sebanyak 12.8 juta dos bagi menampung keperluan imunisasi 20 peratus atau 6.4 juta rakyat negara ini secara percuma.

Melalui perjanjian bersama dengan syarikat itu pada 24 November lalu, Pfizer berjanji menghantar satu juta dos bagi suku pertama 2021, disusuli 1.7 juta dos pada suku tahun kedua, 5.8 juta


Khairy Jamaluddin           

In Malaysia, there will be no political pressure and we will not use the emergency use pathway. The clinical data of the vaccines we procure will be independently evaluated by NPRA before it can be approved & registered for use.

BFM News           

The US FDA has approved the Pfizer-BioNTech COVID-19 vaccine for emergency use in the country, following pressure from the Trump administration.

President Donald Trump expects the first vaccinations in less than 24 hours, while mass vaccinations are expected to start next week.



Ciapan Twitter Khairy bersama pautan berita keputusan terkini dibuat AS berhubung vaksin COVID-19, semalam. (Foto Twitter Khairy Jamaluddin)



Malaysia tidak berdepan tekanan politik untuk tentukan soal kelulusan vaksin terbabit, apatah lagi memaksa tindakan sebegitu diambil.

Khairy Jamaluddin Abu Bakar,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

dos pada suku tahun ketiga dan seterusnya 4.3 juta dos pada suku tahun keempat.

Bagaimanapun, penggunaan di Malaysia tertakluk kelulusan vaksin itu oleh Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA) dan kelulusan regulatori daripada negara pengeluar, di samping NPRA di KKM.

Kerajaan juga masih menunggu perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Majlis Raja-Raja berhubung fatwa penggunaan vaksin COVID-19 dalam kalangan Muslim di negara ini.

Rakyat AS terima imunisasi pertama kurang 24 jam

Washington: Amerika Syarikat (AS) kelmarin meluluskan vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech, sekali gus memberi peluang kepada berjuta orang yang dijangkiti virus itu menerima suntikan.

Presiden Donald Trump segera berkongsi video di Twitter dengan menyifatkan berita itu sebagai 'keajaiban perubatan' dan percaya imunisasi pertama akan dilakukan dalam tempoh kurang 24 jam.

Terdahulu, Ketua Saintis Pentadbiran Makanan dan Perubatan AS, Denise Hinton, mengumumkan kelmarin bahawa pihaknya meluluskan segera vaksin itu untuk digunakan di negara berkenaan.

"Saya mengizinkan penggunaan keceemasan Pfizer-BioNTech COVID-19, vaksin untuk pencegahan COVID-19," katanya dalam surat kepada eksekutif Pfizer.

Jangkitan di seluruh AS meningkat secara drastik berbanding sebelum ini dan 300,000 kematian dilaporkan selepas ini.

AS kini antara enam negara yang meluluskan penggunaan



Petugas kesihatan mengambil sampel calitan penduduk di kampus Kolej Komuniti Massasoit, Brockton, Massachusetts, kelmarin. (Foto EPA)

Denise Hinton

dua jenis dos vaksin selepas Britain, Bahrain, Kanada, Arab Saudi dan Mexico.

Langkah itu dilakukan lebih

awal daripada dijangkakan dan menutup dakwaan mengatakan Rumah Putih akan memecat Ketua Pentadbiran Makanan dan Perubatan, Stephen Hahn, jika tidak meluluskan segera vaksin berke-

naan semalam.

Bagaimanapun, pakar menyifatkan campur tangan politik Trump dalam proses saintifik, dikuatirai menjejaskan keyakinan terhadap vaksin.

AS berusaha memberi suntikan vaksin kepada 20 juta rakyatnya pada bulan ini membabitkan penduduk yang menilonati rawatan jangka panjang dan petugas kesihatan barisan hadapan. AFP

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Tiada tekanan politik luluskan vaksin

Oleh NUR HUDA MUSA

PETALING JAYA – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin Abu Bakar, menegaskan Malaysia tidak berdepan sebarang tekanan politik berhubung kelulusan penggunaan vaksin Covid-19.

Khairy Jamaluddin menerusi ciapannya di Twitter semalam berkata, kerajaan juga tidak akan meluluskan penggunaan vaksin itu secara kecemasan dan akan membuat penilaian berdasarkan data klinikal yang diterima.

"Daripada data klinikal vaksin ini, ia akan dinilai secara bebas oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM).

"Penilaian ini akan dibuat sebelum vaksin diluluskan dan didaftarkan untuk digunakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merujuk ciapan berkenaan



KERAJAAN Amerika Syarikat meluluskan vaksin Covid-19, Pfizer-BioTecNTech selepas didesak Trump.

kerajaan Amerika Syarikat yang meluluskan vaksin Covid-19, Pfizer-BioTecNTech semalam selepas didesak oleh Presiden, Donald Trump.

Terdahulu, Trump turut berkongsi sebuah video di laman

Twitter dan menyifatkan berita tersebut sebagai keajaiban perubatan dan percaya imunisasi pertama akan dilakukan dalam tempoh kurang 24 jam.

Pada 27 November lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin



KHAIRY JAMALUDDIN menegaskan Malaysia tidak berdepan sebarang tekanan politik berhubung kelulusan penggunaan vaksin Covid-19.

Yassin mengumumkan vaksin Covid-19 akan diberikan secara percuma kepada rakyat Malaysia.

Muhyidin turut berkata, kerajaan tidak bercadang untuk me-

wajibkan pengambilan vaksin terhadap rakyat negara ini dan hanya akan diberikan kepada individu yang secara sukarela terutama golongan berisiko dan mudah menghidapi penyakit.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

565 kes di Penjara Sungai Buloh

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kluster Penjara Jalan Harapan melibatkan Penjara Sungai Buloh yang dikesan pada 21 November lalu melaporkan peningkatan mendadak kes positif Covid-19 selepas merekodkan 565 kes berbanding hanya tiga kes, kelmarin.

Angka itu sekali gus menjadikan jumlah kes berkaitan kluster-kluster di penjara dan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) melaporkan sebanyak 725 kes daripada jumlah keseluruhan 1,937 kes harian semalam.

Ja turut disumbangkan daripada Kluster Rumah Merah (112 kes), Kluster Tembok (43), dan Kluster Penjara Seberang Perai (lima).

Tiga kluster* tempat kerja yang dilaporkan semalam juga menjadi antara penyumbang kepada kes harian negara yang kini mencecah 82,246 kes.

Kluster baharu itu membabitkan Kluster Bukit Gemok di Sabah, Kluster Tapak Bina Cendana di Kuala Lumpur dan Kluster Dang Mutiara melibatkan daerah Gombak serta Dungun dan Kemaman, Terengganu.

Daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan, Selangor masih melaporkan kes tertinggi sebanyak 823 kes dengan 714 kes daripadanya melibatkan kluster sedia ada dan saringan kontak ra-



PENGUNJUNG kecewa kerana terpaksa membatalkan hasrat untuk berkunjung di Zoo Negara yang ditutup ekoran Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) semalam. – AMIR KHALID

pat yang dijalankan di lapangan.

Ini diikuti Sabah dengan sebanyak 429 kes dan Kuala Lumpur (238 kes) daripada jumlah keseluruhan kes harian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Bukit Gemok melibatkan daerah Tawau selepas kes indeks positif pada 5

Disember lalu hasil saringan individu bergejala.

Beliau berkata, sebanyak 10 lagi kes positif dikesan hasil saringan terhadap 71 individu dalam kluster tersebut.

"Kluster Tapak Bina Cendana pula melibatkan Lembah Pantai, Titiwangsa, dan Cheras hasil saringan bersasar di sebuah tapak

binaan.

"Kes-kes awal bagi kluster ini dilaporkan positif bermula 10 Disember lalu sebelum 11 lagi kes membabitkan 10 warga asing dan satu warganegara dikesan hasil saringan ke atas 175 individu.

"Kluster Dang Mutiara pula dikesan selepas kes indeks dilaporkan positif pada 9 Disember



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,937
Import: 2 Tempatan: 1,935	
• Pulih	911
• Kematian	9
• Masih dirawat	13,751
• Jumlah kes sembuh	68,084
• Jumlah Kematian	411
Jumlah kes keseluruhan	82,246

hasil saringan sign on pelantar minyak dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dengan 10 lagi dikesan positif," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, terdapat sembilan lagi kes kematian baharu berkaitan Covid-19 melibatkan lapan lelaki dan dua wanita berusia antara 38 hingga 84 tahun menjadikan jumlah kes sebanyak 411.

Beliau berkata, empat kes kematian dilaporkan di Sabah, tiga di Johor dan masing-masing satu di Selangor dan Pulau Pinang.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Tiga lagi kluster baharu dikesan

Melibatkan tempat kerja di KL, Selangor, Sabah dan Terengganu

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan tiga lagi kluster baharu jangkitan Covid-19 yang kesemuanya melibatkan tempat kerja di beberapa daerah di Kuala Lumpur, Selangor, Sabah dan Terengganu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster pertama iaitu Kluster Bukit Gemok melibatkan daerah Tawau di Sabah iaitu kes indeks telah dilaporkan positif pada 5 Disember lepas hasil saringan individu bergejala.

“Sehingga hari ini (se-

malam), 71 individu telah disaring dan 10 kes telah dikesan positif,” katanya dalam satu kenyataan berhubung perkembangan terkini situasi Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster kedua ialah Kluster Tapak Bina Cendana melibatkan daerah Pantai, Titiwangsa dan Cheras di Kuala Lumpur.

“Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah kes-kes awal bagi kluster ini telah dilaporkan



DR NOOR HISHAM

positif bermula 10 Disember hasil saringan bersasar di tempat kerja yang melibatkan sebuah tapak binaan.

“Sehingga hari ini (semalam), 175 individu telah disaring dengan 11 kes telah dikesan positif dalam kluster ini yang melibatkan seorang warganegara (dan 10 bukan warganegara),” katanya.


Bagi Kluster Dang Mutiara, Dr Noor Hisham berkata, kluster tempat kerja itu melibatkan daerah Gombak di Selangor serta

daerah Dungun dan Kemaman di Terengganu.

“Kes indeks bagi kluster ini telah dilaporkan positif pada 9 Disember lepas hasil saringan sign on (daftar masuk) pelantar minyak dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Sehingga hari ini (semalam), 102 individu telah disaring dan 10 kes telah dikesan positif bagi kluster ini,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pertambahan kluster baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kluster yang dikesan di Malaysia adalah sebanyak 410 kes, manakala kluster aktif yang dipantau sebanyak 189. - *Bernama*

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 12 Disember 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 80,309 kes kepada 82,246 kes

JUMLAH KESELURUHAN:	POLEH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU:
82,246	68,084	121	411	+1,937



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 80,309 kes kepada 82,246 kes

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19

1,937 NEW CASES RECORDED

Selangor remains the highest contributor with 823 cases

KALBANA PERIMBANAYAGAM
AND HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE country recorded 1,937 new Covid-19 cases up to noon yesterday. This figure was lower than the all-time high figure of 2,234 cases on Thursday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday's figures took the cumulative number of infections to 82,246, increasing the number of active cases to 13,751.

All but two of the cases were locally infected.

Dr Noor Hisham said Selangor remained the highest contributor of cases, logging 823 infections or 42.5 per cent, of the total.

"Of the total, 714 (of the cases in Selangor) are from clusters and close-contact screening.

"This is followed by Sabah with 429 cases (22.1 per cent), and Kuala Lumpur at 238 cases (12.3 per cent)," he said in a statement.

Nearly 38 per cent of the cases yesterday were linked to clusters at temporary detention centres and prisons, involving the Jalan Harapan Prison cluster (565 cases), Rumah Merah cluster (112 cases), Tembok cluster (43 cases), and Seberang Peri cluster (five cases).

A total of 911 people had been discharged, increasing the number of recoveries to 68,084, or 82.8 per cent of the cumulative number of cases.

Dr Noor Hisham said nine people had died from the coron-

avirus, taking the number of deaths to 411.

Four deaths were reported in Sabah, three in Johor, and one each in Selangor and Penang.

He added that three new workplace-linked Covid-19 clusters were identified in Selangor, Kuala Lumpur and Sabah, taking the total active clusters nationwide to 189.

The Bukit Gemok cluster in Tawau, Sabah, reported 10 positive cases, after the screening of 71 people. The index case for this cluster tested positive on Dec 5.

Dr Noor Hisham said the new Bina Cendana construction site cluster reported 11 new cases, and was detected in Lembah Pantai, Titiwangsa and Cheras in Kuala Lumpur.

"The initial cases for this cluster were reported positive starting Dec 10, after a targeted screening at a construction site.

"To date, 175 people have been screened," he said, adding that the positive cases involved one Malaysian and 10 foreigners.

Meanwhile, the Dang Mutiara cluster saw 10 cases reported in Gombak, Selangor, and Dungun and Kemaman in Terengganu.

Dr Noor Hisham said the index case of this cluster tested positive on Dec 9, after an oil rig sign-on screening event.

The patient, he added, had since been admitted to Sungai Buloh Hospital.

"Up to Dec 12, 102 people have been screened."

He said that of the 189 active clusters, 56 reported an increase in cases, with the Penjara Jalan Harapan cluster logging the highest number of cases at 565.

The Rumah Merah cluster recorded 112 new cases, while the Berangan Construction Site cluster logged 69 cases.

Dr Noor Hisham said four clusters had ended: Abell cluster in Sarawak, Seridana cluster in Putrajaya, and the Limbangan and Bina Labuan clusters in Labuan.



A Health Ministry worker sanitising the hands of a foreign worker before a Covid-19 test at the Pulau Indah Industrial Park in Selangor on Thursday. PIC BY FAIZ ANUAR

To date, 221 clusters have ended.

Meanwhile, police detained 241 people for flouting the Movement Control Order standard operating procedures (SOP) on Friday.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said that of the number, 202 were slapped with compounds, while 39 were remanded.

The offences were failure to provide equipment to register patrons (78), not wearing face masks (77), activities making physical distancing difficult (43), nightclubs activities (41) and others (two).

He said police conducted 50,258 inspections nationwide, which saw 2,837 compliance teams comprising 12,888 personnel checking 3,566 supermarkets, 4,996 restaurants, 1,860 hawkers, 3,557 banks, 1,178 factories and 630 government offices nationwide.

"Inspections were carried out at 1,083 land terminals, 290 water transportation hubs and 101 air terminals", he said.

On mandatory quarantine, Ismail Sabri said 86,398 people had returned to the country from 36 countries since July 24.

They have been accommodated at 78 hotels, 19 public training institutes, and private learning institutions.

"A total of 12,827 people are un-



The Fire and Rescue Department sanitising a boat in Sandakan, Sabah, yesterday. BERNAMA PIC

dergoing quarantine, while 543 others were sent to hospitals."

He said 73,028 people had been discharged.

In Op Benteng, he said authorities detained 51 illegal immigrants and a boat skipper and confiscated eight vehicles, including two boats, on Thursday.

He said under Op Penawar, 55 roadblocks were set up in a joint effort by police, the armed forces, and People's Volunteer Corps personnel.

"Under Op Benteng, the police mounted 61 roadblocks and nine other roadblocks were set up by the Malaysian Border Security Agency (Aksem)."

Ismail Sabri said 39 sanitisation operations were conducted in 11

red zones, orange zones (three), yellow zones (10), and green zones (five) in 11 states.

The operations were conducted in Melaka, Sabah, Pulau Pinang, Johor, Kedah, Sarawak, Perak, Terengganu, Selangor, Perlis and Pahang.

Ismail Sabri added that the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry staff conducted 525 operations on SOP compliance and all complied with the government's SOP.

"The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement staff conducted 525 operations on SOP compliance and all complied with the government's SOP."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Selangor records the most number of daily cases

PUTRAJAYA: Malaysia recorded another 1,937 new Covid-19 cases with Selangor having the highest number with 823 cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (*pic*) said there were nine new fatalities, pushing the death toll to 411.

A total of 911 patients were discharged, bringing the total number of recoveries to 68,084 or 82.8%.



As of yesterday, the total number of active cases stood at 13,751.

Cumulatively, the country's total cases throughout the outbreak is 82,246.

Dr Noor Hisham said currently, 121 people were being treated at intensive care units with 66 of them requiring ventilator support.

Sabah recorded 429 cases while Kuala Lumpur recorded 238, Johor (105), Penang (102), Pahang (79),

Perak (62), Negri Sembilan (49), Kedah (16), Melaka (15), Labuan (11), Terengganu (six) and one each in Sarawak and Kelantan.

"Three new clusters have been identified in Sabah, Kuala Lumpur, Selangor and Terengganu.

"The Bukit Gemok cluster was detected in Tawau, Sabah, with 10 people testing positive so far," Dr Noor Hisham said in a statement.

The Cendana construction site cluster was identified in Lembah Pantai, Titiwangsa and Cheras following workplace screenings.

"Up to Dec 12, a total of 175 people were screened.

"Out of this, 10 foreigners and one local tested positive," the Health director-general said.

He said the Dang Mutiara cluster was detected in Gombak as well as Dungun and Kemaman in Terengganu.

"The index case tested positive on Dec 9 following an oil-rig sign-on screening and was admitted to the Sungai Buloh Hospital.

"Up until Saturday, a total of 102 people were screened with 10 testing positive," he said.

No political pressure to approve vaccine, says Khairy

PETALING JAYA: There is no political pressure to approve any Covid-19 vaccine for emergency use, says Science, Technology and Innovation Minister Khairy Jamaluddin.

His remarks came about in the wake of the United States giving approval for the use of Pfizer's Covid-19 vaccine.

He said that the clinical data of the vaccines would be evaluated by the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) before vaccinations could be administered.

"In Malaysia, there will be no political pressure and we will not use the emergency use pathway.

"The clinical data of the vaccines we procure will be independently evaluated by NPRA @KKMPutrajaya before it can be approved & registered for use," he tweeted yesterday.

On Friday, the US Food and Drug Administration gave the green light to the Pfizer-BioNTech vaccine for emergency use.

Prior to this, news reports had emerged that the FDA had come under pressure from the Trump administration to give the approval.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah had said previously that Malaysia's agreement with Pfizer would be void if the vaccine failed to be registered with the FDA and NPRA.

Malaysia has registered more than 80,000 infections since the virus was detected in the country in January.

Last month, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said that an early purchase agreement was signed with Pfizer for a supply of 12.8 million doses of the vaccine for 20% of the population.

This is part of the government's RM3bil plan to get enough vaccines to immunise 6.4 million people once the vaccine is proven safe.